

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 12 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 09

RM28.5j baik pulih rumah daif di bandar

Kuala Lumpur: Kerajaan memperuntukkan RM28.5 juta bagi program bantuan membaik pulih rumah daif di bandar pada tahun depan, berbanding RM15 juta bagi tujuan sama pada tahun ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah, berkata program berkenaan selaras dengan komitmen kerajaan menerusi Teras 1 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 iaitu membasmi kemiskinan.

Beliau berkata demikian pada sesi pertanyaan jawab lisan pada persidangan Dewan Negara semalam bagi menjawab soalan Datuk Abdul Ghani Mohamed Yassin yang ingin tahu strategi kementerian itu mengatasi masalah penduduk golongan B40 di kawasan bandar yang tinggal di rumah usang dan perancangan kerajaan menambah jumlah peruntukan bagi program itu.

Menjawab soalan tambahan Senator Muhamad Mustafa mengenai cara permohonan bagi program itu, Raja Kamarul Bahrin Shah berkata, ia boleh dibuat melalui platform dalam talian eKasih.

BERNAMA